



## **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

### **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**Rabu, 26 Januari 2022**

1	Nafi babi hutan dari Sumatera
2	Krisis telur ayam -Pengguna resah rak telur ayam kosong -Cuaca tidak menentu punca pengeluaran kurang
3	Melaka tubuh task force tembak babi
4	Kecoh babi masuk kampung
5	'Sir Ladang ' show routine and potential of cattle breeding on app

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26.1.2022	HARIAN METRO	LOKAL	10

# Nafi babi hutan dari Sumatera

Tiada kelabit haiwan berkenaan berenang di laut Selat Melaka menuju ke Kampung Kelongkong

Oleh Nazri Abu Bakar  
am@hmetro.com.my

Melaka

Dakwaan beberapa pihak kononnya babi hutan yang mengganas di Kampung Kelongkong, Tanjung Kling di sini, sejak sebulan lalu berasal dari Sumatera, Indonesia, dinafikan beberapa pihak.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan kampung (JPKK), Khairulazni Baharuddin berkata, tiada kelabit babi hutan berenang di laut Selat Melaka menuju ke kampung berkenaan.

Katanya, jika benar babi hutan berenang dari Sumatera, Indonesia, haluan itu pastinya mudah dilihat oleh pelancong atau melalui kawasan Pantai Tanjung Kling, Pantai Puteri atau Kiebang sebelum melintas masuk ke kampung berkenaan.

Sebaliknya dalam tempoh babi hutan menyerang kampung, tiada berita penduduk melihat babi hutan mendarat di kawasan pantai.

"Apa yang pasti babi hutan itu keluar dari hutan seluas kira-kira tiga ekar berhampiran rumah penduduk. Kemungkinan cuaca panas menyebabkan haiwan liar itu keluar mencari air dan makanan.

"Tanaman penduduk juga dirosakkan terutama ubi ka-



AZIZ bersama Abu Bakar (kiri) meninjau tanaman yang rosak di Kampung Kelongkong yang diserang babi.

## Resah penempatan 'diserang' babi hutan

**Melaka** Kira-kira 400 penduduk Kampung Kelongkong, Tanjung Kling di sini, resah apabila pemimpin mereka 'diserang' sekumpulan babi hutan sejak sebulan lalu.

Sedang pemilik kebun di sini, Abu Bakar Japar, 65, berkata, dia mengalami kerugian apabila pokok pisang dan ubi yang ditamannya musnah akibat disondol haiwan itu yang berkelaran mencari makanan di kawasan kebunnya.

"Rasa seperti hendak putus asa pun ada, sebab sudah berbulan saya usahakan kebun itu," katanya yang turut terpaksa membawa lastik setiap kali keluar rumah sebagai

langkah berjaga-jaga jika diserang haiwan berkenaan.

Seorang lagi penduduk, Rahmah Kassim, 76, berkata, dia tidak pernah melihat kemunculan babi dengan jumlah yang banyak dan kerap sepanjang lebih 50 tahun tinggal di kampung berkenaan dan kehadiran haiwan itu sejak bulan lalu amat mengejutkan.

"Dah lama mak cik duduk (tinggal) sini... memang perasan sejak bulan lepas banyak babi berkelaran. Setiap hari ada sahaja mak cik nampak penduduk berlari ke sana sini kejar babi," katanya.

Yu selain pagar yang disondol babi hutan berkenaan. Buat masa ini tiada serangan ke atas penduduk, namun tindakan pantas Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (Perlindungan) Negeri Melaka memantau kejadian itu amat dipuji," katanya.

Menurutnya, pihak Perlindungan mengambil langkah memasang perangkap bagi menangkap hidupan liar itu.

Beliau berkata, penduduk mengesahkan terdapat dua ekor babi besar yang perlu di-

**Tanaman ubi kayu dan nanas penduduk habis dimusnahkannya. Akibatnya penduduk bimbang untuk keluar terutama pada waktu petang"**

**Aziz**

rana dibimbangi menyerang penduduk.

Seorang lagi wakil penduduk, Aziz Japar, 52 berkata, kemunculan babi hutan berkenaan amat mengejutkan berikutnya jumlahnya yang banyak.

"Tanaman ubi kayu dan nanas penduduk habis dimusnahkannya. Akibatnya penduduk bimbang untuk keluar terutama pada waktu petang," katanya.

Sementara itu, Pengarah Perlindungan Negeri Melaka, Mohd Firdaus Mahmood berkata, tiada bukti saintifik menunjukkan spesies haiwan berkenaan berasal dari Sumatera.

Menurutnya, pihak Perlindungan sudah mengambil sampel untuk ujian asid deoksiribonukleik (DNA) di Makmal Forensik Hidupan Liar Kabangsan (NWFL).

Jelasnya, hasil ujian jujuhan DNA mendapati haiwan liar itu berasal dari hutan Malaysia.

# Krisis telur ayam

Kekurangan stok dijangka berlarutan selepas Tahun Baharu Cina

RAK telur ayam didapati kosong ketika tinjauan dilakukan di sebuah pasar raya di Kuala Terengganu semalam.



SEORANG pelanggan menunjukkan telur ayam yang hampir kehabisan di sebuah kedai runcit di Batu Gajah, Perak.

BEKALAN telur ayam pelbagai gred di seluruh negara kini bukan sahaja semakin berkurangan, malah kebanyakan pasar raya serta kedai runcit berdepan masalah kehabisan stok sehingga rak yang menempatkan telur ayam didapati kosong.

Situasi itu menyebabkan rata-rata pengguna yang ditemui Kosmo! semalam mengeluh kerana sukar untuk

mendapatkan bekalan telur ayam di pasaran ketika ini.

Beberapa peniaga mendakwa, masalah yang berlaku sejak awal tahun ini berpunca daripada dakwaan pembekal yang memaklumkan pengeluaran telur ayam kini berkurangan akibat faktor cuaca dan ia dijangka berlarutan selepas Tahun Baharu Cina bulan depan.

• LAPORAN DI MUKA 2



Ramai mengeluh bekalan tiada di pasaran, peniaga terpaksa cari pembekal lain

## Pengguna resah rak telur ayam kosong

Oleh MOHD. SHARKAWI LONDING,  
ZULKIFLI MANZOR, ISKANDAR  
SHAH MOHAMED, TENGKU  
DANISH BAHRU TENGKU YUSOFF,  
NOOR HASLIZA NUSI  
dan LIYANA RAMLI

**PETALING JAYA** – Bekalan telur ayam pelbagai gred di seluruh negara kini bukan sahaja semakin berkurangan, malah kebanyakannya pasar raya serta kedai runcit berdepan masalah kehabisan stok sehingga rak yang menempatkan telur ayam didapati kosong.

Situasi itu menyebabkan rata-rata pengguna yang ditemui mengeluh kerana sukar untuk mendapatkan bekalan telur ayam di pasaran ketika ini.

Para peniaga pula peringat kepada kerana mereka terpaksa mencari pembekal lain bagi memampatkan permintaan pengguna setiap hari.

**Di Johor Bahru, Johor.** Pengurus Besar Econsave Cash & Carry (Econsave), Mas Imran Adam berkata, masalah kekurangan stok telur ayam berlaku sejak awal Januari sehingga kini.

"Puncanya sebab pembekal tidak hantar, ada hantar pun dengan kuantiti sedikit, kita order 1,000 papan, mereka (pembekal) hantar 100 papan, mereka kata stok tiada.

"Semua jenis gred, kebanyakannya rak di beberapa cawangan Econsave di Kluang, Johor Bahru tiada stok, terputus bekalan dekat seminggu," katanya ketika dihubungi Kosmo semalam.

Mas Imran berkata, masalah itu dijangka berterusan selepas Tahun Baru Cina sehingga pertengahan Februari depan.

**Di Kuala Terengganu,**



RAK yang menempatkan telur ayam kosong ketika tinjauan di Econsave, Johor Bahru semalam.

**Terengganu,** tinjauan di beberapa pasar raya dan kedai runcit mendapati, bekalan telur ayam hampir terputus di kebanyakan premis sejak seminggu lalu.

Bukan sahaja telur ayam gred C dan D tiada di pasaran, malah telur gred A dan B yang jauh lebih mahal juga semakin kehabisan.

Seorang peniaga kedai runcit, Mohd. Nazmi Akmal, 44, berkata, pelanggannya sebelum ini terpaku berhalang kepada telur ayam gred A dan B selepas gred lebih rendah kehabisan stok.

"Sejak penularan Covid-19, memang ramai pelanggannya yang membeli telur ayam gred C dan D kerana harganya lebih murah.

"Beginipun, mereka terpaksa berbalik kepada telur ayam gred A dan B yang berharga 41 hingga 42

sen sebiji, tetapi bekalan itu pun sudah semakin berkurangan di kedai saya," katanya.

Dakwanya, isu kekurangan telur ayam itu berpunca daripada tindakan segelintir pemborong yang berkemungkinan menyekat bekalan bagi memanipulasi harga menjelang sambutan Tahun Baharu Cina.

Seorang pengguna, Abd. Ghani Hashim, 39, pula mengaku keadaian telur ayam amat memberi kesan kepada keluarganya.

"Telur ayam merupakan sumber protein termurah dan paling mudah dimasak untuk seisi keluarga yang tidak seperti saya."

"Susah hendak cari telur ayam sekarang, saya terpaksa pulang hampa kerana rak telur di banyak kedai runcit dan pasar raya



HANYA telur ayam kampung masih berada di atas rak di sebuah pasar raya mini di Bayan Lepas.

di bandar raya ini terbiasa kosong," ujarnya.

**Di Bangi, Selangor,** tinjauan mendapati, pasar raya Econsave Bangi misalkan turut kehabisan stok telur 30 biji satu papan.

Hanya beberapa stok telur 10 biji satu bungkus masih berada di rai di pasar raya tersebut.

Seorang petugas pasar raya itu memaklumkan, sudah dua hari pasaran raya itu kehabisan telur 30 biji satu papan.

"Dua hari lepas, mereka ada letak satu palet telur stok 30 biji satu papan, tetapi sekejap sahaja habis dibeli. Selepas itu sudah tidak lagi, hanya tinggal telur satu bungkus 10 biji," katanya.

**Di George Town, Pulau Pinang,** seorang pengguna, Norhayati Mahmud, 60, berkata,

dia jemu mencari bekalan telur ayam di sekitar premis peruncitan yang terdapat berdekatan rumahnya di Bayan Lepas sejak minggu lalu.

Katanya, setakat ini, hanya telur ayam gred C yang boleh diperoleh, namun kualitiinya pula kurang memuaskan.

"Pening kepala mencari bekalan telur ayam ketika ini. Jika ada pun kebanyakannya perlu dipilih disebabkan ada yang sudah rosak termasuk busuk dan pecah.

"Mencari telur ayam macam mahu beli minyak masak pekat bersubsidi yang susah diperoleh sebelum ini. Ada penilaian di pasar sudah tidak mahu jual kerana harganya tidak stabil dan ada pula yang menunggu bekalan itu dihantar ke kedai," katanya.

Seorang penyelia pasar raya mini yang mahu dikenali sebagai Rina, 34, pula memberitahu, sudah lebih seminggu menunggu penghantaran stok telur ayam gred B di premisnya.

"Rak telur yang kosong terpaksa digantikan dengan telur ayam kampung. Majoriti pelanggannya datang mencari telur ayam gred B berbanding A, C dan D," jelasnya.

**Di Batu Gajah, Perak,** seorang peruncit, Ramli Lodin, 50, terpaksa mencari pemborong telur ayam yang lain kerana stok dari pada pembekal asal telah terputus sejak seminggu lalu.

"Sepatutnya semalam, pembekal hantar telur ayam, tetapi mereka kata tiada stok buat masa ini.

"Kebiasaannya, saya menjual telur ayam gred B, tetapi disebabkan kehabisan bekalan, maka terpaksa mengambil telur gred AA," katanya.

## Cuaca tidak menentu punca pengeluaran kurang

**SHAH ALAM** – Faktor cuaca antara punca utama pengeluaran telur ayam berkurangan lebih 10 peratus di seluruh negara ketika ini.

Jurucakap sebuah persatuan penternak ayam berkata, jumlah telur yang mampu dihasilkan bagi 1,000 ekor ayam secara purata adalah melebihi 800 biji sebelum ini.

Bagaimanapun, katanya, keadaan itu berubah berikutnya

ayam kurang menghasilkan telur dalam nisbah normal kerana keadaan cuaca yang tidak menentu iaitu panas dan hujan.

"Ayam kebiasaannya memerlukan persekitaran suhu sederahan dan tidak boleh terlalu panas atau sejuk."

"Jika cuaca tidak bersesuaian, ia akan menjadikan penghasilan telur," katanya ketika dihubungi Kosmo semalam.

Jurucakap itu memberitahu,

pihaknya mengaku turut menerima rungutan mengenai isu itu daripada penternak ayam kecil-kecilan dan sederhana.

"Penghasilan telur yang agak menurun itu mengakibatkan mereka terpaksa mengurangkan jumlah ternakan ayam mereka."

"Ta' antaranya bagi mengelakkan kerugian lebih tinggi untuk kos pembelian dedak yang kini meningkat lebih 30 peratus," ujarnya.

Katanya, perkara seumpama itu tidak dapat dilakukan kerana bukan hanya berlaku di Malaysia, malah di seluruh dunia.

"Penternak tempatan juga menghadapi masalah temaga kerja asing dan ada daripadanya berputus asa untuk meneruskan ternakan ayam," katanya.

Pada 8 Januari lalu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna perlu mengambil langkah proaktif bagi mengimbangi kenaikan harga ayam serta telur di pasaran.

Ia termasuk melanjutkan tempoh Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) sehingga 4 Februari depan.

## Melaka tubuh task force tembak babi

Oleh DIYANATUL  
ATIQAH ZAKARYA

**MELAKA** — Kerajaan negeri memubukkan jawatankuasa khas bertindak (task force) bagi memusnahkan babi hutan yang menyerang beberapa kawasan perkampungan negeri ini sehingga menimbulkan ketakutan kepada penduduk.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman berkata, pasukan itu ditubuhkan dengan penglibatan bersama pegawai daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Ta-

man Negara (Perhilitan).

"Kita telah mengambil tindakan melalui Perhilitan dengan mewujudkan satu task force bagi menyelesaikan isu babi hutan yang menyerang kawasan penduduk kampung.

"Pasukan ini akan melakukan operasi memusnahkan haiwan tersebut termasuk dengan cara menembaknya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akbar selepas majlis Penyampaian Bayaran Insentif Sara Hidup One-Off kepada 1,176 nelayan berdaftar di Batu Berendam, di sini semalam.

Semalam tular video beberapa ekor babi seakan tersesat ber-

keliaran di sekitar Kampung Kelongkong, Tanjung Kling, Melaka.

Mengulas lanjut beliau berkata, selain faktor keselamatan penduduk, tindakan menembak haiwan itu diambil kerana pihaknya turut menerima aduan kerugian tanaman para petani.

"Kita tidak mahu lebih ramai pekebun, petani mahupun penduduk kampung yang mengusahakan tanaman di halaman rumah terpaksa menanggung kerugian gara-gara tanaman mereka rosak disodok babi."

"Ada antara mereka ini mengalami kerugian mencecah ribuan ringgit," tambah Abdul Razak.



TANGKAP layar seekor babi yang berkeliaran di Kampung Kelongkong, Tanjung Kling, Melaka kelmarin.

## Kecoh babi masuk kampung

Penduduk panik apabila haiwan berkenaan berkeliaran di halaman rumah

**MELAKA**



ABU BAKAR

RAHIMAH

"Sejak bulan lalu, banyak babi datang ke kampung ini. Pernah saya nampak penduduk kampung berlari ke sana ke mari dikejar babi."

"Rata-rata penduduk memang sudah takut nak keluar rumah sebab babi banyak berkeliaran,"

katanya.

Bagi pemilik kebun, Abu Bakar Japar, 65, dia mengalami kerugian apabila banyak tanaman diusahakannya musnah angka ratusan.

"Banyak pokok ubi dan pisang yang saya tanam disondol babi hutan hingga rasa putus asa. Harap ada pihak berkenaan ambil tindakan."

"Saya juga terpaksa membawa lastik setiap kali keluar rumah sebagai langkah keselamatan," katanya.

Sementara itu, Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani Melaka, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman berkata, pihaknya



Video memaparkan babi hutan berkeliaran di Kampung Kelongkong, Tanjung Kling, Melaka.



mewujudkan pasukan petugas untuk menembak babi hutan di kawasan dikenal pasti.

"Kita faham kehadiran babi hutan menjelaskan hasil petani. Oleh itu, kita mewujudkan pasukan petugas untuk musnahkan babi hutan"

"Kalau dulu mungkin kita cari melalui aduan, sekarang buat rondaan di kawasan sering terima aduan," katanya.

Beliau juga meminta penduduk supaya tidak risau berhubung dakwaan haiwan berkenaan dijangkiti wabak demam babi Afrika.

"Di Melaka, babi yang terkena wabak adalah babi ternakan dan bukannya babi hutan. Babi hutan cuma merosakkan tanaman penduduk," jelas beliau.

Kira-kira 400 penduduk Kampung Kelongkong, Tanjung Kling di sini bimbang dengan ancaman puluhan babi hutan yang berkeliaran di kawasan rumah dan merosakkan tanaman di kebun sejak bulan lalu.

Pada Isnin, tular di media soial satu video berdurasi 40 saat dirakamkan penduduk kampung yang memaparkan beberapa ekor babi berkeliaran di hadapan rumah mereka sehingga menimbulkan suasana panik.

Menceritakan detik cemas itu, penduduk, Comel Khudrat, 62, berkata, dia hampir cedera akibat tersadung di pintu rumahnya gara-gara terkejut melihat kemunculan beberapa ekor babi